



## Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences

Journal homepage: [www.akademiarbaru.com/arsbs.html](http://www.akademiarbaru.com/arsbs.html)

ISSN: 2462-1951



### Ketegasan Syeikh Abd. Al-Qadir Al-Mandili di atas prinsip agama: Kajian kitab ‘Perisai bagi Sekalian Mukallaf’ (*The firmness of Syeikh Abd. Al-Qadir Al-Mandili in Islamic principle: A study in ‘Perisai bagi Sekalian Mukallaf’*)

Open Access

Hazman Hassan<sup>1,\*</sup>, Muhammad Ihsan bin Idris<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Umum, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah, Malaysia

---

#### ARTICLE INFO

**Article history:**

Received 30 May 2017

Received in revised form 30 June 2017

Accepted 4 July 2017

Available online 25 July 2017

---

#### ABSTRACT

Ketegasan adalah satu ciri utama dakwah dalam memerangi pelbagai bentuk kemungkaran, kekufturan dan kesyirikan yang menodai fitrah manusia. Inilah antara faktor besar yang menyumbang kepada penyebaran Islam di seluruh dunia. Pun begitu, tidak dinafikan antara pemusnah kepada ketegasan ini ialah penyakit materialisme. Kebanjiran pendakwah instant seperti pendakwah selebriti, pendakwah yang ‘mencari makan’, pendakwah yang tidak memiliki integriti dakwah dan bersikap melampau telah menjadikan dakwah Islam dipandang serong oleh sebilangan manusia. Syeikh ‘Abd. al-Qadir al-Mandili merupakan salah seorang anak Mandailing yang berjaya menempa nama dalam dunia dakwah antarabangsa. Riwayat hidup beliau memperlihatkan satu ketegasan yang tidak luntur dalam menghadapi rintangan dakwah. Al-Mandili dilahirkan di Tapanuli Selatan, Sumatera Utara pada tahun 1910M dan meninggal dunia pada tahun 1965M. Beliau mendapat pendidikan asas agama di Kedah, al-Mandili kemudiannya menyambung pengajian di Mekah dan seterusnya diberi amanah menjadi guru di Masjid al-Haram. Al-Mandili tidak hanya aktif mengajar bahkan beliau juga sangat aktif berkarya. Sebanyak 24 karya telah dihasilkan dalam disiplin akidah, fiqh, hadis, politik, pendidikan, perundungan dan akhlak. Justeru, menerusi salah sebuah karyanya iaitu Perisai Bagi Sekalian Mukallaf Atau Simpulan Iman Atas Mazhab Salaf, makalah ini menganalisis bentuk ketegasan al-Mandili dalam mempertahankan prinsip agama. Hasil kajian mendapati al-Mandili seorang yang tegas di atas kebenaran dan sangat teguh berdiri di atas prinsip-prinsip yang diyakininya sekalipun terpaksa menongkas arus.

*Firmness is of the essence in da'wah, to fight against every form of bad deeds, kufr and polytheism which stained the fitrah (the innate purity that Allah creates) in every human being. In fact, this steadfast attitude is undeniably one of the major factors contributing in spreading da'wah crossing all borders and nations. However, this state of resolute can be torn by the lust of materialism. The flooding of instant preachers with no integrity in doing da'wah, extremist, aiming for mere fame and wealth has degraded the value of da'wah in the eyes of the muslim world-view. Syeikh Abd. al-Qadir al-Mandili is one of the Mandailing scholars who has made his name in the world of international da'wah. Born at Tapanuli Selatan (South Tapanuli), Sumatera Utara (North Sumatera) in 1910 and died in 1965, this Mandailing scholar received his basic Islamic education in Kedah. Then, he furthered his studies in Mecca until he was honoured with a teaching position in the Grand Mosque of Mecca. Al-Mandili not only has his hands full with teaching but this prolific author had written 24 books in various discipline of Islamic studies*

---

*such as Islamic creed, jurisprudence, hadeeth, politics, education, law and morals. Through one of his works, Perisai Bagi Sekalian Mukallaf Atau Simpulan Iman Atas Mazhab Salaf (A Shield For Those Who Are Commissioned Or Faith Knot According To The Salaf), this article analyses form of firmness of al-Mandili in upholding Islamic principles. The result shows that al-Mandili is a very firm scholar in upholding the truth he believed even if he had to stand alone with it.*

**Keywords:**

Ketegasan, al-Mandili, Perisai Bagi Sekalian Mukallaf

Firmness, al-Mandili, Perisai Bagi Sekalian Mukallaf

Copyright © 2017 PENERBIT AKADEMIA BARU - All rights reserved

---

## 1. Pengenalan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, tegas bermaksud jelas serta terang, nyata, tidak ragu-ragu atau samar-samar. Ia juga membawa maksud tentu atau tepat. Ketegasan merujuk kepada perihal jelas, tegas dan tetap seseorang itu atas sesuatu perkara [1]. Seorang yang bersifat tegas menonjolkan kejelasan dan kesungguhannya memperjuangkan keyakinan yang didokong. Inilah antara ciri utama yang wajib dimiliki oleh setiap pendakwah. Para rasul adalah mereka yang sangat tegas menyampaikan dan mempertahankan prinsip agama. Mereka tidak akan menyembunyikan sebahagian risalah dengan alasan takut menyinggung mana-mana pihak apatah lagi mengikut kehendak umatnya dengan maksud menjaga hati mereka [2].

Namun begitu, terdapat juga dalam kalangan ulama dan pendakwah yang tidak mampu bersikap tegas. Hal ini kerana matlamat asal mereka bukan lagi menyampaikan amanah Allah tetapi lebih kepada kepentingan peribadi. Sebagai contoh, program-program realiti berunsur agama yang sewajarnya menjadi pemangkin ke arah melahirkan pendakwah yang versatil dan berilmu dilihat lebih cenderung kepada matlamat meraih untung daripada menyampaikan ilmu. Kebimbangan ini telah disuarakan oleh Ridhuan Tee Abdullah apabila beliau melihat kebolehan menghibur seperti pandai menyanyi dan berlawak jenaka lebih diutamakan berbanding kelebihan ilmu [3].

Selain itu, sikap sebahagian pendakwah yang dikaburi penyakit kebendaan menjadikan mereka hanya menyampaikan apa yang ingin didengar oleh masyarakat. Mereka bimbang akan berlaku penolakan masyarakat jika perkara yang disampaikan menyentuh sensitiviti atau adat setempat walau ianya menyalahi hukum Allah. Pendakwah yang bermuka-muka ini sudah pastinya tidak akan mampu mempertahankan kebenaran dan mengubah kemungkaran kerana dia lebih mementingkan reda manusia daripada reda Pencipta manusia. Akibatnya, akan berlaku percampuran antara haq dan batil, syariat dan adat yang menyalahi syara' dalam kalangan umat Islam [4].

Mengkhusus kepada etnik Mandailing, nilai ketegasan mereka dapat dilihat dalam pelbagai aspek. Menurut Muhammad Bukhari Lubis antara bentuk ketegasan yang diterapkan dalam etnik Mandailing terdapat pada sikap patuh beragama, tegas serta berkata benar, bersikap terus terang, berani menerima risiko, terbuka kepada teguran membina dan suka merantau. Inilah nilai-nilai yang telah menjulang sebahagian mereka menjadi tokoh kenamaan dalam masyarakat [5].

Syeikh 'Abd. al-Qadir al-Mandili adalah contoh anak Mandailing yang telah memperlihatkan nilai ketegasan dalam hidupnya. Biarpun setelah pemergiannya, ketegasan beliau dapat dilihat menerusi karya-karyanya yang menjadi wadah bacaan khusus bagi pelajar-pelajar pondok. Melalui karyanya bertajuk Perisai Bagi Sekalian Mukallaf atau Simpulan Iman Atas Mazhab Salaf, beberapa nilai ketegasan al-Mandili akan ditonjolkan.

Makalah ini dibahagikan kepada lapan subtopik dimulai dengan pengenalan kepada tajuk perbincangan. Subtopik kedua mengupas tentang anjuran bersikap tegas menurut al-Quran dan al-Sunnah. Seterusnya, pada subtopik ketiga diuraikan contoh-contoh ketegasan ulama silam dalam

prinsip agama. Konsep ketegasan dalam world-view etnik Mandailing dipaparkan pada subtopic keempat. Seterusnya subtopik kelima membentangkan latar belakang Syeikh 'Abd. al-Qadir al-Mandili. Pada subtopik keenam, dibawakan aspek-aspek ketegasan dalam riwayat hidup al-Mandili. Selanjutnya, subtopik ketujuh memfokuskan ketegasan al-Mandili dalam kitab Perisai Bagi Sekalian Mukallaf. Subtopik 7.1 merupakan perkenalan kepada kitab Perisai manakala subtopik 7.2 merupakan analisis aspek ketegasan al-Mandili dalam kitab tersebut. Subtopik terakhir ialah rumusan terhadap kajian ini. Makalah ini diakhiri dengan bibliografi.

## **2. Anjuran Bersikap Tegas Menurut Al-Quran dan Al-Sunnah**

Sikap tegas dalam beragama dapat dilihat dengan jelas melalui firman Allah dalam keseluruhan surah al-Kafirun. Antara penegasan yang dinyatakan pada surah ini adalah seorang muslim tidak akan menyembah selain Allah manakala bagi orang kafir, mereka bebas menyembah tuhan mereka. Bagi mereka agama mereka, bermaksud mereka bebas mengamalkan ajaran agama mereka tanpa sebarang gangguan dan begitu juga halnya bagi setiap muslim. Ibn Kathir menyatakan keseluruhan surah ini menunjukkan penegasan seorang muslim untuk berlepas diri dari kesyirikan yang dilakukan oleh orang-orang kafir [6]. Ini merupakan bukti jelas betapa ketegasan sangat penting dalam mempertahankan prinsip-prinsip agama.

Dalam rangka menjaga kesucian akidah umat Islam, Rasulullah s.a.w. sangat tegas dalam membanteras amalan syirik dan khurafat yang berlaku dalam masyarakat. Beliau lantang menyebutkan perbuatan-perbuatan tersebut sebagai satu kesyirikan atau kekufuran agar ianya dijauhi. Sebagai contoh, Abu Daud meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda: Sesiapa yang mendatangi tukang tilik dan membenarkan perkhabarannya, maka dia telah kufur terhadap wahyu yang diturunkan kepada Muhammad s.a.w [7].

Sikap tegas bukan sahaja wajar ditonjolkan pada mereka yang bukan Islam, malah kepada sesama muslim sendiri, ianya menjadi satu keperluan yang penting dalam menzahirkan prinsip agama. Hal ini dapat dilihat pada umumnya firman Allah dalam surah al-An'aam ayat 150 yang bermaksud, 'Dan jangan engkau turut hawa nafsu orang-orang yang mendustakan ayat-ayat keterangan Kami, dan orang-orang yang tidak beriman kepada hari akhirat...'. Oleh kerana itu, para ilmuan Islam sangat mengambil berat terhadap serangan pemikiran yang dimainkan oleh sesetengah golongan umat Islam seperti Syiah, Muktazilah, golongan anti-hadith, Islam Liberal, Pluralisme dan sebagainya yang telah banyak menular dalam kalangan umat Islam kini.

## **3. Ketegasan Ulama Silam dalam Prinsip Agama**

Sejarah manusia telah merakamkan betapa besar sumbangan dan jasa para ulama dalam mempertahankan kemurnian agama Islam. Segala usaha dan pengorbanan mereka dihujani dengan pelbagai cabaran dan tohmahan oleh musuh-musuh Islam. Namun, tidak sedikitpun halangan-halangan tersebut mampu menggoyahkan ketegasan para ulama ini untuk mempertahankan kebenaran.

Imam al-Syafi'i merupakan antara ulama yang sangat tegas terhadap orang yang menyalahi pandangan Ahl al-Sunnah wa-al-Jamaah. Ketika umat dilanda fitnah Khilq al-Quran, Imam al-Syafi'i bangun memperingatkan umat akan bahaya pemikiran ahli Kalam dan menggesa masyarakat agar menjauh mereka. Bahkan, beliau juga pernah menghukumkan kafir kepada Hafsh al-Fard yang tetap membantah setiap nas al-Quran yang membuktikan al-Quran itu Kalam Allah [8].

Syeikh al-Islam Ibn Taimiyah juga adalah seorang ulama yang tegas menyatakan prinsip agama. Muhamad Rozaimi Ramle menyatakan antara sebab Ibn Taimiyah dimusuhi pada zamannya

bukanlah kerana beliau sesat, tetapi kerana beliau melawan arus. Beliau menyalahi pegangan majoriti pada zaman tersebut sehingga akhirnya dipenjara. Namun akhirnya, ulama yang datang kemudian telah memuji sumbangannya kepada umat Islam [9].

Beralih kepada contoh ketegasan ulama Melayu, Syeikh Abu Bakar al-Ashaari, seorang tokoh ulama Perlis pernah menggemparkan umat Islam di Tanah Melayu berkait dengan fatwanya yang mengharuskan pemindahan mata daripada mayat seorang Islam kepada seorang Islam yang lain. Walaupun ijihad beliau mendapat tentangan hebat daripada tokoh ilmuan Islam lainnya, beliau tetap bertegaskan dengan pendiriannya [10].

Antara tokoh ulama Melayu lainnya yang tegas dalam menyampaikan dakwah ialah Mohamed Idris al-Marbawi. Dedikasi dan ketekunan beliau yang tinggi dalam menghasilkan karya-karya sentiasa mengajak masyarakat Islam bangun daripada kelalaian yang menyelubungi mereka. Perbahasan yang ditonjolkan tidak hanya tertumpu kepada persoalan agama malah mencakup isu-isu kontemporari dalam masyarakat Islam [11].

#### 4. Ketegasan dalam World-View Etnik Mandailing

Sejak kurun ke-19 dan ke-20, orang Mandailing telah dikenal sebagai bangsa yang berani merantau [12]. Mereka tegas meninggalkan kampung halaman untuk mencari kehidupan yang lebih baik atau bagi menuntut ilmu agama. Penghijrahan bagi orang Mandailing adalah satu tradisi dan dianggap sebagai satu sekolah kehidupan [13]. Nilai budaya ini dapat dilihat dengan jelas menerusi salah satu daripada sembilan nilai budaya penting masyarakat Mandailing iaitu hamajuon, kemajuan yang diraih melalui merantau dan menuntut ilmu. Demi mengejar ketertinggalan masyarakat Islam Tapanuli, Siregar Sirittis Dalan dianggap sebagai Muslim Tapanuli pertama yang merantau ke Tanah Melayu untuk menuntut ilmu. Sekembalinya beliau ke Tapanuli, beliau gigih menyebarluaskan ilmunya dan menggalakkan masyarakatnya agar merantau ke mana sahaja termasuklah ke Tanah Melayu bagi menambahbaik mutu masyarakat [14].

Ketegasan orang Mandailing jelas menonjol apabila mereka berani mengubah kepercayaan agama mereka. Berasal daripada bangsa menyembah roh yang dinamakan Begu, mereka menerima Islam hasil daripada gerakan Padri dari Minangkabau sekitar tahun 1820-1836 [15]. Justeru, pengaruh beragama orang Mandailing banyak dipengaruhi oleh kehidupan beragama orang Minangkabau. Sepertimana orang Minangkabau, orang Mandailing menjadikan agama sebagai satu sendi utama dalam kehidupan. Kepatuhan kepada agama terzahir menerusi cogan kata Mandailing berbunyi “Taat marugamo, elek maranak boru, hormat marmora, rosu markahanggi” yang bermaksud “patuh beragama, mesra dan damai dengan menantu-menantu, hormat kepada mertua dan mesra dengan sanak saudara serumpun” [14]. Pengislaman orang Mandailing turut menonjolkan etnik Mandailing yang unik dan membezakan mereka dari suku Batak yang beragama Kristian dan animisme [16].

Nilai ketegasan orang Mandailing turut menonjol pada menegakkan kebenaran. Bagi mereka, yang benar tetap benar walau ianya daripada musuh. Yang salah tetap salah meski ianya dilakukan oleh saudara atau teman. Semboyan Mandailing mengatakan “hobar ni jolma risi-risi hobar ni begu lamam-lamam” bermaksud “khabar manusia disiasat, khabar hantu atau pelesit ditolak mentah-mentah”. Semboyan ini menunjukkan nilai orang Mandailing yang sangat menjunjung tinggi nilai kebenaran tanpa wujudnya diskriminasi antara suku bangsa atau kaum.

Selain itu, antara bentuk ketegasan orang Mandailing yang lainnya adalah berani menghadapi risiko. Pepatah asli mereka menyebutkan “anggo mabiar marburstak ulang tu saba” yang bermaksud “kalau takut terkena lumpur, jangan pergi ke sawah”. Atas prinsip kebenaran dan memperjuangkan hak bersama, orang Mandailing siap siaga berkorban dan menghadapi risiko apa jua yang mendarang. Sejarah menunjukkan sekurang-kurangnya orang Mandailing yang bermigrasi ke Semenanjung

terlibat dalam empat perperangan iaitu Perang Rawa di Sungai Ujong, Perang Pahang, Perang Selangor atau Perang Kelang dan Perang Perak [17]. Perperangan demi perperangan, penghijrahan demi penghijrahan tidak melemahkan semangat mereka untuk terus mencapai kemajuan dalam kehidupan.

Orang Mandailing juga diajar tegas menyuarakan pandangan. Mereka sentiasa bersikap terus-terang dan tidak memendam perasaan. Bagi mereka, orang yang bersikap terus-terang melambangkan kejujuran jiwanya. Dia bukan orang yang berpura-pura baik apabila berhadapan, malah bukan jenis menikam dari belakang. Ketelusan ini juga dilihat sebagai faktor penyumbang yang menjadikan orang luar senang bergaul dan berinteraksi dengan orang Mandailing kerana mereka sentiasa bersikap terbuka dan berterus-terang. Orang Mandailing sering diperingatkan dengan kata-kata “ulang hita marsimonjap di natorang” yang bermaksud “jangan kita bersembunyi di kawasan yang terang”. Sikap munafiq ini selain dikutuk dalam Islam, turut dibenci dalam kalangan orang Mandailing.

Generasi berselang generasi memperlihatkan wibawa dan ketokohan orang Mandailing. Bermula dengan Raja Asal di Raub, Pahang yang kemudiannya berhijrah ke Selangor, Raja Bilah (Papan, Perak) dan Sutan Puasa (Kuala Lumpur) sebagai pelopor kelangsungan orang Mandailing di Tanah Semenanjung. Keterampilan orang Mandailing terus menyinar dengan lahirnya tokoh-tokoh seperti Senu Abdul Rahman Siregar (Duta Besar Malaysia di Indonesia) yang kemudiannya menjadi Menteri Penerangan Malaysia, Tan Sri Mohammad Sharif Samad (Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan) dan Tun Mohammad Haniff Omar Nasution (Ketua Polis Negara). Demikian juga Datuk Mukhtar Hashim Lubis (Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan), Datuk Harun Idris Harahap (Menteri Besar Selangor) dan puluhan nama lainnya dalam pelbagai bidang seperti kepolisian, kehakiman, diplomat, usahawan, ilmuwan, wartawan dan tokoh-tokoh politik dan birokrat Malaysia. Ketokohan-ketokohan ini pastinya tidak akan lahir tanpa wujudnya sifat ketegasan dalam diri anak Mandailing.

## 5. Latar Belakang Syeikh ‘Abd. Al-Qadir Al-MAndili

‘Abd. al-Qadir al-Mandili dilahirkan pada tahun 1910M di kampung Sigalanggang Padangsidempuan, Tapanuli Selatan, Sumatera Utara. Beliau mendapat pendidikan asas di Sekolah Rendah Belanda hingga darjah lima. Pada tahun 1924, ketika usianya 14 tahun, beliau berhijrah ke Kedah untuk mendalami ilmu agama di pondok-pondok [18].

Al-Mandili mula belajar mengenal huruf dan bacaan jawi di Pondok Panjang Rong yang terletak di Tobiar, Pendang. Antara guru yang membimbangnya pada masa itu ialah Tuan Guru Haji Bakar. Seterusnya al-Mandili berpindah ke Pondok Air Hitam bagi mendalami kitab-kitab nahu dan tatabahasa Arab seperti al-Matn al-Ajurumiyyah, kitab Mutammimah dan Matn Alfiyah Ibn Malik. Di bawah didikan beberapa guru antaranya Tuan Haji Idris bin Lebai Yusuf dan Lebai Dukun, al-Mandili mula menguasai tatabahasa Arab. al-Mandili kemudiannya menyambung pengajian di Pondok Gajah Mati, Pendang dengan lebih terfokus pada ilmu-ilmu agama. Di sini, beliau berpeluang berguru dengan seorang ulama terkenal Kedah iaitu Haji Wan Ibrahim bin Haji Wan Abdul Qadir atau terkenal dengan panggilan Pak Chu Him Gajah Mati. Mengabdikan diri selama sepuluh tahun di pondok ini, al-Mandili bukan sekadar menuntut ilmu. Beliau turut diberi kepercayaan untuk mencerahkan ilmu kepada pelajar-pelajar lainnya.

Pada tahun 1936M, al-Mandili merantau ke Mekah untuk memperdalamkan ilmunya dalam agama. Ini merupakan peringkat terakhir perjalanan hidup al-Mandili dalam menuntut ilmu. Meneruskan peranannya sebagai penuntut ilmu, al-Mandili tekun berguru dengan beberapa ulama terkenal di Mekah. Antara guru-gurunya adalah Wan Ismail bin Wan ‘Abd. al-Qadir atau masyhur dengan panggilan Pak Da Ail Patani yang merupakan abang kepada Pak Chu Him. Selain Pak Da Ail,

al-Mandili turut berguru kepada Syeikh Ali al-Maliki, Syeikh Hasan Muhammad al-Mashat, Syeikh Muhammad al-'Arabi bin al-Tabani bin al-Hussein al-Wahidi al-Maghribi, Syeikh Sayid al-'Alawi bin Abbas al-Maliki dan Syeikh Muhammad Ahyad. Dengan kealiman beliau, al-Mandili telah diberi kepercayaan untuk mengajar di Masjidil Haram, satu kedudukan yang sememangnya tidak diberikan kepada sembarang orang [19].

Selain aktif menjalankan kelas-kelas pengajian agama, al-Mandili juga aktif berkarya. Sejumlah 24 karya telah dihasilkan dalam bidang usuluddin, fiqh, politik, hadis, pendidikan, perundangan dan akhlak. Menerusi karya-karya yang terdiri daripada pelbagai disiplin ilmu ini, al-Mandili telah memberi satu sumbangan yang amat besar dalam penyebaran ilmu Islam di Alam Melayu khusus kepada institusi pengajian pondok. Hingga ke hari ini, kitab-kitab beliau masih dijadikan rujukan khususnya di pondok-pondok pengajian di Kedah, Kelantan dan Patani [18].

## 6. Ketegasan dalam Riwayat Hidup Al-Mandili

Nilai ketegasan sudah ada pada diri al-Mandili sejak dia masih kecil lagi. Satu bentuk ketegasannya ialah dia berani merantau untuk menuntut ilmu. Pada usianya 14 tahun, al-Mandili sudah berani merantau ke luar negaranya. Beliau pergi ke Kedah untuk menuntut ilmu agama. Merantau, meninggalkan ibu bapa, kampung halaman dan tanah air menuju ke negeri orang bukanlah perkara yang mudah. Tidak dapat tidak, sekurang-kurangnya seseorang itu mesti pandai berdikari, pandai menyesuaikan diri di tempat orang dan pandai mencari rezeki. Dia mesti berani dan sabar menempuh ujian di tempat orang. Inilah ketegasan yang ditunjukkan oleh al-Mandili ketika usianya 14 tahun. Menurut Ramli Awang, al-Mandili menampung pengajiannya dengan cara mengambil upah mengerjakan sawah padi di Pendang [18]. Beliau turut menjual kitab-kitab agama dengan menjaja kitab-kitab kepada 'tok fakih' di pondoknya [22]. Begitu juga setelah 12 tahun menuntut di Kedah, pada usianya 26 tahun, al-Mandili sekali lagi merantau. Kali ini, beliau ke Mekah untuk memperdalam ilmu agama sehingga akhirnya diberi kepercayaan menjadi guru di Masjidil Haram.

Al-Mandili juga tegas mempelajari ilmu-ilmu yang baru. Dengan asas pengajian Sekolah Rendah Belanda, beliau menukar haluannya mempelajari pengajian agama di pondok-pondok. Dari satu pondok ke pondok lainnya, al-Mandili bermula dengan mengenal huruf dan membaca jawi. Beliau kemudiannya bertungkus-lumus menguasai tatabahasa Arab dan seterusnya mendalami cabang-cabang ilmu pengajian pondok. Tidak terhenti di Kedah, al-Mandili sanggup memperdalam ilmunya di Mekah yang sememangnya mengamalkan kefahaman agama yang berbeza daripada kefahaman umat Islam di Nusantara. Sikap al-Mandili ini menunjukkan beliau sememangnya seorang yang tegas iaitu jelas matlamat dan hala tujunya.

Selain itu, al-Mandili adalah seorang yang tegas memikul tanggungjawab. Setelah enam tahun menuntut di Kedah, ketika usianya menjangkau 20-an, beliau diberi amanah untuk mengajar di Pondok Gajah Mati, Pendang, Kedah. Amanah ilmu ini telah dipikul oleh al-Mandili dengan sebaiknya. Dikatakan peningkatan terbesar jumlah pelajar di pondok itu yang mencapai jumlah 600 orang adalah bersebab dengan kehadiran al-Mandili. Nilai yang sama ditonjolkan oleh al-Mandili ketika beliau diberi penghormatan untuk menjadi guru di Masjidil Haram. Tanggungjawab yang besar ini dilaksanakan dengan penuh dedikasi oleh al-Mandili. Hasilnya, kelas pengajian al-Mandili menjadi antara kelas pengajian yang sangat popular di Masjidil Haram dengan bilangan pelajarnya lebih 500 orang pada setiap sesi pengajian [19].

Selanjutnya, al-Mandili seorang yang tegas memperjuangkan kebenaran yang diyakininya. Beliau pernah menimbulkan kontroversi berhubung isu orang-orang Islam yang mengambil orang-orang bukan Islam sebagai rakan perjuangan dan pemimpin dalam siyasah. Karyanya Islam Agama Dan

Kedaulatan dianggap mengancam kerajaan ketika itu dan diharamkan penyebarannya [20]. Al-Mandili juga tidak gentar menyanggah pegangan masyarakat dalam arus perdana. Ketika rata-rata dalam kalangan umat Islam lebih cenderung memberikan pendidikan Barat berbanding pendidikan agama kepada anak-anak mereka, al-Mandili telah menterjemahkan karya gurunya Syeikh Hasan Muhammad al-Mashat dengan judul Menakutkan Dan Melarkan Daripada Memasukkan Orang Islam Akan Anak Mereka Itu Ke Dalam Sekolah Orang Kafir. Cabaran-cabaran sebegini berat pastinya tidak akan ditanggung oleh al-Mandili jika beliau bukan seorang yang tegas berdiri di atas prinsip yang diyakininya.

Bertitik tolak dari ketegasan al-Mandili menyuarakan kebenaran, beliau juga tegas untuk menerima kritikan. Contohnya beliau menjelaskan:

“Pembaca yang mulia! Barang yang ada pada syarah dan terjemah itu daripada yang sebenar maka ia daripada Allah Ta’ala, dan barang yang ada pada keduanya daripada kesalahan maka iaitu daripada hamba sendiri, terjadi ia kerana singkat pengetahuan hamba, maka besar harap hamba daripada pembaca yang terhormat menunjuki ia akan hamba kepada kesalahan itu, supaya hamba kembali daripadanya kepada yang betul, dan supaya hamba baiki akan dia ....” [21].

Seterusnya, al-Mandili berani menterjemahkan ilmu-ilmunya dalam bentuk penulisan. Sepanjang hayatnya, beliau telah menghasilkan 24 karya dalam bidang usuluddin, fiqh, politik, hadis, pendidikan, perundangan dan akhlak. Karya-karya al-Mandili terdiri daripada 6 karya terjemahan, 2 karya berbahasa Arab manakala selainnya adalah berbahasa Melayu.

Sisi lain ketegasan al-Mandili ialah beliau berani mengamalkan poligami. Mempunyai seorang isteri adalah lazim bagi kebanyakan orang Melayu, namun beristeri dua apatah lagi tiga atau empat, ianya satu yang jarang-jarang dilakukan oleh orang Melayu. al-Mandili mempunyai 3 orang isteri yang tinggal serumah [19]. Hal ini merupakan bukti yang jelas akan ketegasan al-Mandili. Tanpa satu ketegasan, tidak mungkin al-Mandili mampu mennghadapi asam garam hidup berumah tangga dengan tiga orang isterinya di bawah satu bumbung.

## 7. Ketegasan dalam Perisai Bagi Sekalian Mukallaf atau Simpulan Iman atas Mazhab Salaf

Subtopik ini dibahagikan kepada dua subtopik kecil. Subtopik 7.1 sebagai pengenalan kepada kitab Perisai Bagi Sekalian Mukallaf atau Simpulan Iman Atas Mazhab Salaf manakala subtopik 7.2 menumpukan kepada aspek ketegasan al-Mandili dalam kitab Perisai Bagi Sekalian Mukallaf Atau Simpulan Iman Atas Mazhab Salaf.

### 7.1 Perisai Bagi Sekalian Mukallaf Atau Simpulan Iman Atas Mazhab Salaf

Kitab Perisai Bagi Sekalian Mukallaf Atau Simpulan Iman Atas Mazhab Salaf adalah satu karya terjemahan al-Mandili dalam bidang akidah. Selepas ini, judul kitab ini akan diringkaskan sebagai PBSMASIAMS. Diterjemah dari kitab al-Akidah al-Salafiyah atau lebih terkenal dengan sebutan al-Akidah al-Tahawiyah karangan al-Imam Abu Jaafar Ahmad bin Muhammad bin Salamah al-Tahawi, PBSMASIAMS selesai ditulis oleh al-Mandili pada hari Selasa 23 Jamadil Awal tahun 1376H bersamaan 25 Disember tahun 1956M. Kitab jawi dengan bahasa Melayu separa klasik ini telah dicetak buat pertama kalinya oleh percetakan Idris al-Marbawi di Mesir pada akhir bulan Dzulqaidah tahun 1380H bersamaan dengan 15 Mei tahun 1961M.

Antara ciri keistimewaan PBSMASIAMS adalah kandungannya yang lengkap menghuraikan enam aspek Rukun Iman berdasarkan manhaj Salaf al-Salih. Selain mengutamakan nas syara’, kitab ini juga menjadikan kefahaman sahabat, tabiin dan tabi tabiin sebagai rujukan untuk memahami perkara agama. Setakat yang dapat dikesan oleh penyelidik, tidak keterlaluan jika diandaikan besar

kemungkinan PBSMASIAMS adalah sebuah kitab terjemahan akidah Salaf paling awal ditulis dalam bahasa Melayu.

Menariknya, walaupun kitab PBSMASIAMS adalah sebuah kitab jawi lama dengan susunan gaya bahasa Melayu separa klasik, namun permintaan dan sambutan masyarakat terhadap kitab jawi ini tidak pernah lekang. Kitab ini sentiasa diulang cetak dengan dilakukan penambahbaikan samada dari segi kualiti kertasnya atau mutu tulisannya. Kitab warisan “orang lama” ini bukan saja dibaca oleh golongan lanjut usia tapi turut dibaca oleh golongan muda. Buktinya, kitab ini telah ditransliterasi ke dalam tulisan rumi bagi memudahkan masyarakat khususnya golongan muda atau golongan yang kurang mahir membaca dalam tulisan jawi agar dapat mengambil faedah daripadanya. Daripada kajian penyelidik, sekurang-kurangnya terdapat dua penerbitan yang telah menerbitkan kitab ini dalam tulisan rumi iaitu Jahabersa dan Al-Hidayah.

Justeru, dapat diandaikan masyarakat Melayu Islam kini masih mengiktiraf dan menerima pakai kitab akidah ini sebagai satu sumber wadah ilmu. Walau hampir mencecah 60 tahun, PBSMASIAMS masih mendapat perhatian masyarakat dan digunakan dengan meluas dalam pengajian ilmu akidah hingga ke hari ini. Andaian ini terbukti dengan kajian Ramli Awang yang mendapati kitab-kitab al-Mandili masih menjadi rujukan di sesetengah pondok sekitar Kedah, Patani dan Kelantan (Ramli: 2008). Keadaan ini jelas membuktikan betapa kitab PBSMASIAMS yang merupakan sebuah kitab akidah Salaf berjaya menjadi sebuah wadah ilmu dalam mempelajari akidah Islam.

## 7.2 Ketegasan al-Mandili dalam Perisai Bagi Sekalian Mukallaf Atau Simpulan Iman Atas Mazhab Salaf (PBSMASIAMS)

Salah satu bentuk ketegasan al-Mandili terserlah pada sikap berterus-terang beliau ketika berkarya. Kata-katanya jelas, tidak samar. Sama ada pandangannya dipersetujui orang lain atau tidak, al-Mandili berani dan jujur menyatakan buah fikirannya. Contohnya, al-Mandili berani menyuarakan pandangannya bahawa akidah Salaf adalah yang terbaik. Beliau menyebutkan di halaman 16: “....dan jalan bagi Salaf (sahabat dan tabiin dan itba tabiin) lebih sejahtera, kerana barang yang ada padanya selamat daripada menentukan makna yang barangkali tiada menghendaki akan dia oleh Allah Subhanahu wa Taala, dan mazhab mereka itu lebih baik kerana mereka itu sebaik-baik kurun...” [21].

Walau beliau menyedari akidah Khalaf telah lama mendominasi kepercayaan umat Islam Melayu, beliau tetap menyatakan pendiriannya dalam isu ini. Selain itu, di banyak tempat dalam PBSMASIAMS, al-Mandili lantang menyatakan kebatilan kumpulan-kumpulan yang menyalahi akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah seperti Syiah, Muktazilah dan lain-lainnya. Antaranya al-Mandili menyebutkan:

“Menunjuki oleh pengarang rahimahullahu Ta’ala kepada menolak atas sekalian Rafidhah dan sekalian Nashiyyah....Adapun mazhab kita Ahlus Sunnah, maka iaitu kasih akan sekalian sahabat Nabi s.a.w...” [21].

Sehubungan itu juga, hal ini turut membuktikan satu bentuk ketegasan lainnya yang terdapat dalam diri al-Mandili iaitu berani mengajarkan ilmu yang belum pernah diajar oleh ulama-ulama Melayu lainnya. Beliau tidak bimbang dianggap pelik apabila menyampaikan sesuatu ilmu yang asing pada kebiasaan masyarakat. Memperkenalkan akidah Salaf kepada masyarakat Melayu Islam Nusantara, beliau menjelaskan:

“Dan adalah (al-Akidah al-Salafiyah) karangan bagi al-Imam Abu Jaafar Ahmad bin Muhammad bin Salamah al-Tahawi setengah daripada sebagus-bagus kitab pada ini ilmu. Maka kerana yang demikian itu gemar hati hamba pada menterjemahnya kepada bahasa Melayu dan membuat syarah baginya

dan hamba namakan akan terjemah dan syarahnya itu Perisai bagi Mukallaf Atau Simpulan Iman Bagi Atas Jalan Salaf....” [21].

Pada halaman 31 dan 32, beliau mengetengahkan prinsip Salaf dalam memahami Tauhid al-Asma wa al-Sifat. Tanpa takwil, tasybih, ta’til dan takyif, al-Mandili menegaskan wajib atas setiap mukallaf beriman dengan nama-nama dan sifat-sifat Allah sebagaimana maksud zahirnya. Beliau menegaskan: “Maka wajib atas tiap-tiap mukallaf mensifatkan Allah Ta’ala dengan barang yang mensifatkan ia dengan Dia akan diri-Nya. Dan dengan barang yang mensifatkan dengan dia oleh rasul-Nya serta diiktikadkan bersalahannya dengan segala sifat makhluk. Maka kita iktikadkan bahwasanya Allah Ta’ala mendengar tiada seperti mendengar kita, dan melihat la tiada seperti melihat kita dan berkata-kata la tiada seperti berkata-kata kita. Dan marah la tiada seperti marah makhluk, dan turun la tiada menyerupai akan turun baharu. Bahkan seperti marah dan turun yang layak kepada-Nya dengan kebesaran-Nya ....” [21].

Berkait tentang malaikat Kiraman Katibin, sesetengah umat Islam percaya Kiraman adalah malaikat pencatat yang berada di sebelah kanan dan Katibin ialah malaikat pencatat yang berada di sebelah kiri. Membetulkan kefahaman ini, al-Mandili di halaman 252 menyebutkan: “Seperti bahwasanya malaikat yang sebelah kanan bersifat dengan kiraman dan katibin (ertinya yang mulia lagi yang menulis). Demikian juga malaikat yang sebelah kiri itu bersifat dengan kiraman dan katibin. Bukan malaikat yang sebelah kanan itu bernama kiraman dan yang sebelah kiri bernama katibin seperti yang menyangka akan dia setengah daripada orang awam” [21].

Memperkenal dan mendakwahkan akidah Salaf dalam kalangan masyarakat Melayu Islam Nusantara turut membuktikan ketegasan al-Mandili menghadapi risiko. Berhadapan dengan pelbagai sikap dan mentaliti pelajar yang telah terbiasa dengan akidah Khalaf al-‘Ashairah tidak menjadikan al-Mandili kekok atau janggal menyampaikan akidah Salaf.

Al-Mandili juga seorang ulama yang tegas menentang adat dan kepercayaan batil sesetengah umat Islam Melayu. Menafikan kepercayaan sesetengah masyarakat terhadap keramat, al-Mandili mengatakan pada halaman 22:

“Maka barangsiapa mengiktikadkan akan memberi bekas sesuatu yang lain daripada Allah Ta’ala, maka tiada syak pada kufurnya seperti mereka yang mengiktikadkan akan hantu laut kuasa menggoda orang yang bekerjasi laut jika tiada dijamah akan dia dengan kerbau balar atau lainnya, dan seperti mereka yang mengiktikadkan bahwasanya tok nenek dan hantu darat dan tok keramat kuasa mendatangkan penyakit jika tiada diminta tabik dan diminta maaf daripada mereka itu atau tiada dijamu mereka itu dengan nasi putih kuning dan bertih dan memasang dian” [21].

Al-Mandili turut menyanggah kepercayaan sebahagian ahli sufi yang mengiktikadkan kemuliaan para wali lebih tinggi daripada para rasul. Pada halaman 348, al-Mandili menegaskan:

“Dan menunjuki oleh pengarang rahimahullahu Ta’ala dengan ini perkataan kepada menolak atas ijtihadiyyah dan sekalian yang jahil daripada mengaku dirinya ahli tasawuf. Yang berkata mereka itu bahwasanya wali afdal daripada nabi. Bersalahan yang ulama dan ahli istiqamah daripada mereka itu” [21].

Contoh lainnya adalah kelantangan beliau membantah adat sesetengah umat Islam Melayu tentang perbomohan dan tiliikan yang jelas menyalahi syara’. Biar apa juu gelar yang dipakai seseorang itu, sama ada dipanggil ustaz, imam atau syeikh, yang salah itu tetap salah. Al-Mandili menjelaskan di halaman 359 hingga 362:

“Demikian lagi masuk di dalam hukum kahin itu bomoh hantu dan pelesit yang mengunci mereka itu akan hantu pada sangka mereka itu. Dan setengah mereka itu memiciti akan kuku anak jari orang yang sakit, kemudian bertanya ia akan orang yang sakit itu dengan katanya: “Siapa bapa engkau? Atau siapa mak engkau? Atau siapa engkau? ....” Maka orang yang sakit itu terkadang menjawab dengan katanya: “Bapa aku si anu, atau mak aku si anu.....” Maka haram atas kita membenarkan akan

bomoh yang tersebut dan orang yang sakit itu pada perkataan keduanya yang bersangkut-paut dengan menuduh seseorang... dan setengah daripadanya sebab bagi berkelahi keluarga orang yang sakit dengan mereka yang dituduh memelihara hantu itu" [21].

Sisi lain ketegasan al-Mandili terserlah dengan sikapnya yang terbuka menerima teguran. Beliau tidak takut menerima kritikan sekiranya benar dan berasas malah itulah pelajaran untuk beliau memantapkan ilmunya. Sikap ini secara langsung menunjukkan nilai orang Mandailing yang berjiwa besar, tidak menyombong diri dan penuh dengan sifat tawadhus. Ini terbukti menerusi kata-kata al-Mandili pada mukadimah kitab PBSMASIAMS:

"Pembaca yang mulia! Barang yang ada pada syarah dan terjemah itu daripada yang sebenar maka ia daripada Allah Taala, dan barang yang ada pada keduanya daripada kesalahan maka iaitu daripada hamba sendiri, terjadi ia kerana singkat pengetahuan hamba, maka besar harap hamba daripada pembaca yang terhormat menunjuki ia akan hamba kepada kesalahan itu, supaya hamba kembali daripadanya kepada yang betul, dan supaya hamba baiki akan dia pada cetakan yang kedua insya Allah Taala" [21].

## 8. Kesimpulan

Ketegasan adalah satu nilai positif orang Mandailing yang sentiasa dititik beratkan dalam masyarakat mereka. Pelbagai bentuk ketegasan ditonjolkan oleh orang Mandailing hingga melahirkan tokoh-tokoh yang berwibawa dan berkarisma. 'Abd. al-Qadir al-Mandili adalah contoh anak Mandailing yang tegas dalam hidupnya. Sebagai seorang ulama berketurunan Mandailing, al-Mandili menonjolkan pelbagai sisi ketegasan sama ada berkait dengan hidupnya atau kerjaya dakwahnya. Menerusi kitab Perisai Bagi Sekalian Mukallaf Atau Simpulan Iman Atas Mazhab Salaf, ketegasan al-Mandili terzahir pada sikapnya yang berani memperjuangkan kebenaran yang diyakininya, berani mengutarakan pandangan baru, berani menentang arus perdana malah beliau berani dan bersedia ditegur atau dikritik. Yang penting, kebenaran itu mestilah dijunjung.

## Rujukan

- [1] Noresah Baharom. Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 2013.
- [2] Wan Hussein Azmi. Panduan Dakwah Islamiah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1988.
- [3] Ridhuan Tee Abdullah. Banjir dan Program Realiti TV, Sinar Harian, (12 Januari 2015)
- [4] M. Natsir. Fiqhud-Da'wah. Cetakan Ketiga. Jakarta: Dewan Da'wah Islamiyah Indonesia, 1977.
- [5] Lubis, Haji Muhammad Bukhari. "Persepsi Orang Mandailing Malaysia Terhadap Orang Mandailing Asal di Indonesia." (2004): 1-14.
- [6] Ibn Kathir, Ismail bin Umar. Tafsir al-Quran al-'Azim. Jilid 4. Diselenggara oleh Sayyid Muhammad Sayyid dan lain-lain. (Kaherah: Dar al-Hadith, 2005), 292.
- [7] Abdul Wahab, Abdul Rahman bin Hasan. Fath al-Majid. Beirut: Dar Ibn Hazm, 1999.
- [8] Al-'Aqil, Muhammad bin Abdul Wahab. Manhaj al-Imam al-Syafi'i fi Ithbat al-Aqidah. Kaherah: Dar al-Istiqamah, 2012.
- [9] Muhamad Rozaimi Ramle. Tauhid Tiga Serangkai Ekstremis Agama Hadis Palsu. Sungai Buloh: Kemilau Publik, 2016.
- [10] Nornajwa Ghazali & Mustaffa Abdullah. Syeikh Abu Bakar al-Ashaari Mufassir Islah Penerus Zaman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 2015.
- [11] Faisal Ahmad Shah. Mohamed Idris al-Marbawi Penulis Karya Agung Bahr-Al-Madhi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 2013.
- [12] Tugby, Donald. Cultural Change and Identity: Mandailing Immigrants in West Malaysia, 1977.
- [13] Harahap, Basyral Hamidy. Mengenal Kaum Angkola-Mandailing. Diadaptasi untuk khalayak Malaysia oleh H.M. Bukhari Lubis. Kuala Lumpur: Ikatan Kebajikan Mandailing Malaysia (Iman Malaysia), 1999.
- [14] Lubis, Abdur-Razzaq, Nasution, Khoo Salma. Raja Bilah and the Mandailings in Perak: 1875-1911. MBRAS, 2003.
- [15] Harahap, Elisa Sutan. Perihal Bangsa Batak. Jakarta: Bagian Bahasa Djawatan Kebudayaan, Dep. P.P dan K, 1960.

- 
- [16] Pelly, Usman. Urban Migration and Adaptationin Indonesia: A Case Study of Minangkabau and Mandailing Batak Migrants in Medan, North Sumatra (edisi terjemahan oleh Hartono Hadikusumo dengan judul Urbanisasi dan Adaptasi: Peranan Misi Budaya Minangkabau dan Mandailing). Cetakan Pertama. Jakarta: PT Pustaka LP3ES, 1994.
  - [17] Lubis, Abdur-Razzaq, Nasution, Khoo Salma. Raja Bilah and the Mandailings in Perak (MBRAS, 2003), 1875-1911.
  - [18] Ramli Awang. Syeikh Abdul Qadir Al-Mandili (1910-1965): Biografi & Pendidikan Akhlak. Edisi Pertama. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2008.
  - [19] Asyraf Abd Ghani@Mohd Azmi. "Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Muttalib al-Mandili: Sumbangan Dalam Ilmu Tauhid, Fiqah dan Tasawuf" (Tesis Peringkat Sarjana Universiti Utara Malaysia, 2013).
  - [20] Abdul Rahman Abdullah. Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran. Cetakan Pertama. Dewan Bahasa & Pustaka bersama Pusat Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia, 1998.
  - [21] al-Mandili, Abdul Qadir bin Abdul Mutalib. Perisai Bagi Sekalian Mukallaf atau Simpulan Iman Atas Mazhab Salaf. Cetakan Ketiga. Batu Caves: al-Hidayah Publications, 2012.
  - [22] Islyas Mahyudin@Ilyas. Wacana dan Pemikiran Politik Ulama Melayu Tahun 1960-an (Satu Kajian tentang Kitab: Islam Agama dan Kedaulatan Karangan Syeikh Abdul Kadir al-Mandili) dalam Syed Muhammad Dawilah al-Edrus, ed. Pemikiran Melayu tentang Alam dan Hakikat Diri Kumpulan Kertas Kerja Kolokium Bahasa dan Pemikiran Melayu/Indonesia II. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.